

Mengkuang selalunya dianyam membentuk kraf hiliran seperti tikar, tudung saji, beg, dan cenderahati. Namun melalui Transformasi Inovasi Konservasi dan Apresiasi Rekabentuk (Tikar) yang dibangunkan oleh penuntut Jabatan Rekabentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk Seni Bina (FRSB) Universiti Putra Malaysia (UPM), tumbuhan itu boleh dipelbagaikan.

Melalui suntikan inovasi baharu, penyelidik FRSB terdiri daripada Izyan Syamimi Zainol, Nurul Iyana Mohd Nawi, Aimi Nabillah Yusri dan Siti Nur Ain Nabihah Mokhtar berjaya menghasilkan prototaip perabot seperti meja, kerusi dan hiasan lampu menggunakan mengkuang. Lebih membanggakan ia ditampilkan dalam pelbagai corak dengan warna-warna menarik di samping mengekalkan nilai estetik Malaysia dan kreativiti orang Melayu.

Pereka projek ini, Siti Nur Ain Nabihah Mokhtar berkata, Kampung Bentan, satu daerah di Kuala Pahang, Pekan, Pahang, dijadikan lokasi mendapatkan sumber (mengkuang) sambil proses menganyam dibantu penduduk kampung yang mahir dalam kerja-kerja anyaman.

"Pada awalnya agak susah untuk mereka penuhi kehendak kami, terutama dari segi pemilihan warna, begitu juga motif (kelarai) dan corak.

"Mereka sudah lama menganyam, selesa dengan motif lama, susah untuk capai kata sepakat, namun bila dijelaskan dan setelah melihat hasilnya, mereka akur dan mula bersemangat, lagipun setiap hasil kerja tangan ini diberi upah oleh UPM melalui bajet dari Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) berjumlah RM36,000 setahun," katanya.

UCTC diwujudkan bagi memperluas peranan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) daripada sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan kepada pusat perkhidmatan masyarakat setempat.

Katanya, dua ciri penting dalam seni hias anyaman adalah penciptaan (motif) dan corak. Istilah kelarai dikhususkan kepada motif yang "berbentuk" (selalunya unsur alam) sementara corak dimaksudkan kepada susunan warna tanpa memperlihatkan kepada warna dan bentuk motif.

Menurut Nur Ain, walaupun kampung itu mempunyai bahan mentah yang banyak, namun kerja menganyam kurang menarik minat, terutama daripada golongan muda. Kumpulan yang melakukan kerja-kerja menganyam ini adalah kalangan suri rumah, dan warga emas.

REKAAN TERKINI

Dalam memberi pembaharuan kepada prototaip perabot, Nur Ain berkata, dia dibantu pensyarah, Prof Madya Dr Nazlina Shaari, Dr Saiful Hasley Ramli dan Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman untuk memberi tunjuk ajar.

"Motif kosong, begitu senang dianyam,

Perabot moden berasaskan mengkuang



Khairul (dua, kanan) bersama kumpulan pelajar yang menjayakan projek ini.



Kumpulan penyelidik dan penduduk kampung yang melakukan kerja-kerja anyaman.



Proses membuang duri daun mengkuang.



Hasil anyaman yang sesuai dijadikan cenderahati.



Kerusi corak patch work menggunakan mengkuang.

dan sering jadi pilihan mereka, berbeza dengan teknik baharu seperti double wave, (dua lapis), manakala tulang ikan, bunga

cengkih, pubak belanak, dan lain-lain semakin mudah," jelas Ain. Nafas baharu untuk kerusi umpamanya, menggabungkan mengkuang sebagai tempat duduk dan fibre glass sebagai rangka kerusi.

"Penciptaan perabot telah memberi nilai tambah kepada mengkuang itu sendiri, dan tentunya, perabot yang bercirikan identiti Malaysia, mampu memberi perbezaan ketara antara rekaan anak tempatan dan negara lain, terutama Indonesia," kata Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman.

Dari sudut jangka hayatnya, Prof Dr Nazlina menjelaskan, ciri-ciri semula jadi

pada mengkuang terutama pada permukaan yang mempunyai lilin (wax), memberi daya ketahanan, dan fungsi lilin itu walaupun mengkuang telah diubah kepada pelbagai bentuk, ia tetap kuat.

"Prototaip ini masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D), selama penghasilannya, ia tidak mudah reput, tahan dengan cuaca, jika ada pihak yang berminat membeli, boleh berhubung dengan pihak kami," katanya.

Kerja menganyam juga bertambah mudah apabila alatan lebih efisien untuk mempercepatkan kerja-kerja menganyam dihasilkan. Alat tersebut dinamakan Com V Pine Tool ciptaan Mohd Faizol Pakhrurazi, yang juga penuntut Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk dan Seni Bina.

Menurut Mohd Faizol, dengan hanya membawa Com V Pine Tool penganyam tidak perlu membawa alatan lain seperti pisau, jangka dan pelurut, antara tiga keperluan utama dalam kerja-kerja

anyaman. "Bawa sahaja alat ini, mereka tidak perlu susah payah cari kelengkapan lain, lagipun ia didatangkan dalam bentuk yang mudah dibawa, dan senang digunakan," katanya.

Kumpulan mahasiswa ini berharap agar projek komuniti ini mendapat sambutan ramai, terutama dalam kalangan generasi muda. Projek ini juga diharap mampu menghidupkan kembali nostalgia dan seni anyaman terus diangkat menjadi mata pencarian tambahan penduduk tempatan.

Ribuan terima kasih dituju khas kepada komuniti Kampung Bentan, terutama Penghulu Mukim Kuala Pahang, Hassan Sukor. Untuk keterangan lanjut boleh hubungi Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman (drkhairulazlin@upm.edu.my).